



Lokasi kejadian tanah runtuh dan banjir lumpur di kawasan ladang di Sungai Lobou Tongod, Kinabatangan.

RUMAH DIHANYUT BANJIR LUMPUR

Arus deras sukarkan pencarian tujuh beradik

Kinabatangan: Sungai Penangah dan Sungai Masarung di sini, menjadi tumpuan operasi mengesan tujuh beradik yang masih hilang, selepas rumah mereka dihanyutkan banjir lumpur di Ladang Senfo dekat Tongod pada malam Jumaat lalu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Keningau, Mudi Pengiran, berkata operasi membabitkan sembilan anggota pasukannya sambil dibantu pasukan polis dengan pencarian dilakukan di permukaan sungai.

“Sehingga petang ini (semalam) tujuh beradik itu belum ditemui. Anggota bomba berdepan kesukaran menjalankan operasi pencarian kerana lokasi yang jauh dari

balai, selain laluan balak yang hanya boleh dilalui pacuan empat roda.

Air deras sukarkan operasi

“Operasi hanya dapat dibuat di permukaan sungai menggunakan bot, susulan keadaan air deras dan banjir,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Difahamkan, ketika kejadian, ada 11 penghuni dalam rumah yang terletak di tepi Sungai Lobou Tongod itu.

Dua daripada mereka iaitu kanak-kanak lelaki dan perempuan yang belum diperolehi identiti, sempat menyelamatkan diri sebelum rumah itu dihanyutkan banjir lumpur.

Sembilan lagi terdiri daripada pasangan suami isteri, Jalikha Malingkut, 50, dan Abdul, 50, bersama anak mereka, berusia lapan hingga 17 tahun dihanyutkan arus deras bersama rumah berkenaan ke sungai.

Pasangan suami isteri terbabit kemudiannya ditemui selamat oleh penduduk kampung di Sungai Penangah, kira-kira jam 7 pagi Sabtu, sebelum dihantar ke Klinik Kesihatan Penangah.

Kejadian itu hanya disedari pekerja ladang berkenaan selepas mendapati sebuah rumah di kawasan terbabit hilang sebelum memaklumkan kejadian kepada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Keningau, pada pagi Sabtu.